

Kempen Derma Darah sempena Hari Kemerdekaan

BINTULU: Perpustakaan Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB) menganjurkan kempen derma darah sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-60 peringkat universiti berkenaan baru-baru ini.

Menurut kenyataan UPMKB, aktiviti itu dianjurkan dengan kerjasama Hospital Bintulu sebagai usaha membantu bank darah hospital mendapatkan bekalan.

"Kempen derma darah ini telah mendapat sambutan yang

sangat menggalakkan daripada warga kampus dan jabatan luar," kata kenyataan itu.

Selain itu, antara pengisian lain adalah Karnival Penjualan Kraftangan atau dikenali 'Beyond Timber Carnival' peringkat Bintulu yang merupakan program kolaborasi bersama Perbadanan Perhutanan Sarawak (SFC) yang mempamerkan hasil kraftangan pelbagai etnik di Sarawak.

Bagi memeriahkan lagi sambutan kemerdekaan peringkat UPMKB, pihak perpustakaan

turut menganjurkan Pertandingan Fotografi dan Groupi bertemakan Kemerdekaan.

"Pertandingan ini turut disertai oleh warga kampus dengan jumlah 30 penyertaan untuk kedua-dua kategori yang telah dipertandingkan.

"Semoga program seperti ini dapat menyemarakkan lagi semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan warga kampus di samping dapat menyemai semangat patriotik dalam karya seni," ujarnya.



SEBAHAGIAN daripada penderma darah di ruang legar Perpustakaan UPMKB yang diadakan baru-baru ini sempena Sambutan Hari Kemerdekaan ke-60.